

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 MARCH 2015

Perdana Menteri harap sambutan lebih menggalakkan

Kontrak SIC sambung

UM-30/3/2015

Oleh **HUSSAINI AMRAN**
hussaini.amran@yahoo.com

■ KUALA LUMPUR 29 MAC

KONTRAK Litar Antarabangsa Sepang (SIC) untuk menganjurkan Grand Prix Formula Satu (Fi) Malaysia dilanjutkan tiga tahun lagi mulai tahun depan hingga 2018.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, lanjutan kontrak itu adalah hasil kejayaan rundingan di antara SIC dan Pengerus Formula Satu (FOM).

Beliau menambah, Petrolia Nasional Berhad (Petronas) turut bersejua untuk menjadi penaja utama acara perlumbaan berprestij itu sepanjang tempoh tiga tahun akan datang.

"Kita juga perlu membangunkan perlumbaan Fi ini sebagai satu acara yang mendapat sambutan lebih meriah dan lebih menggalakkan bukan sahaja di peringkat antarabang-

sa tetapi di dalam negarakatanya kepada pemberita selepas menyaksikan perlumbaan Grand Prix Fi Malaysia 2015 di SIC di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi SIC, Tan Sri Mokhzani Mahathir dan Ketua Pegawai Eksekutif SIC, Datuk Razlan Razali.

Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada pelumba Ferrari, Sebastian Vettel yang menduduki tempat pertama dalam perlumbaan tersebut.

Najib menambah, semua agensi kerajaan termasuk Tourism Malaysia perlu digerakkan secara bersepadu agar objektif yang ditetapkan dapat dicapai.

"Mereka perlu memainkan peranan untuk menjadikan acara Fi ini sebagai acara yang penting dalam kalendar pelancongan negara," ujanya.

Beliau memberitahu, semua pihak terbabit seharusnya memikirkan strategi bagi mempertingkatkan keterujaan rakyat terhadap Grand

Prix Fi Malaysia sekali gus menarik minat mereka untuk menghadiri acara itu.

"Kita akan memberi lebih banyak tumpuan kepada pengurusan acara dan melakukan promosi dengan lebih agresif," jelasnya.

Ketika ditanya tentang masa depan Grand Prix Fi Malaysia selepas 2018, Najib berkata, perkara itu akan difikirkan apabila tiba masanya.

Sementara itu, Mokhzani memberitahu, SIC akan memastikan semua promosi dan aktiviti berkaitan Grand Prix Fi Malaysia dilakukan secara lebih menyeluruh.

"Kita memerlukan lebih ramai rakyat tempatan datang dan menyaksikan perlumbaan di SIC sepanjang tiga tahun akan datang," katanya.

Acara Grand Prix Fi Malaysia 2015 telah menarik kunjungan sebanyak 80,604 orang sepanjang tiga hari penganjurannya mulai Jumaat lalu.